



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KENYATAAN MEDIA

**MESYUARAT JAWATANKUASA BERSAMA ANTARA
MENTERI DALAM NEGERI DAN MENTERI SUMBER MANUSIA MENGENAI
PENGURUSAN PEKERJA ASING KALI KE-9 BIL. 3/2023
18 OKTOBER 2023**

1. Pada hari ini, saya dan YB Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu, Menteri Sumber Manusia telah mempengerusikan secara bersama Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing Kali Kesembilan, Bilangan 3 Tahun 2023.
2. Mesyuarat mengambil maklum bahawa bagi memenuhi keperluan lima sektor atau subsektor kritikal iaitu perkilangan, pembinaan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan (restoran) yang menyumbang kepada peningkatan keluaran dalam negara kasar sebanyak 1%, Pelan Kelonggaran Penggajian Pekerja Asing (PKPPA) serta Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 telah diperkenalkan.

3. Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa sehingga 9 Oktober 2023, sebanyak 667,418 kemasukan pekerja asing telah direkodkan berbanding unjuran keperluan sektor/ sub sektor kritikal untuk suku tahun pertama berjumlah 518,000 orang. Perincian unjuran dan kemasukan pekerja asing melalui pelaksanaan PKPPA dan RTK 2.0 adalah seperti berikut:

Bil.	Sektor Kritikal	Unjuran dari Agensi Kawal Selia	Jumlah Kemasukan 2023 Sehingga 9 Oktober
1.	Pembinaan	301,000	222,230
2.	Pertanian	90,000	53,648
3.	Perladangan	57,000	52,123
4.	Perkilangan	50,000	197,213
5.	Perkhidmatan	20,000	142,204
JUMLAH		518,000	667,418

4. Unjuran pekerja asing di Malaysia kini telah mencecah 2,730,153 orang dan melepasi sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Justeru, fokus Kerajaan buat masa ini adalah pengurusan kemasukan pekerja asing berdasarkan kuota yang telah diluluskan.
5. Susulan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Oktober 2023 telah bersetuju untuk menamatkan pendaftaran RTK 2.0 pada 31 Disember 2023. Walau bagaimanapun, proses verifikasi adalah diteruskan hingga akhir Mac 2024. Majikan adalah dialu-alukan untuk menyertai Program RTK 2.0 sebelum pendaftaran ditamatkan.

6. Kelonggaran yang diberikan oleh Kerajaan melalui PKPPA dan RTK 2.0 masih tertakluk kepada pematuhan undang-undang perburuhan dan imigresen. Mesyuarat pada hari ini mendapati tahap pematuhan majikan masih rendah berdasarkan penemuan naziran dan inspektorat yang telah dilaksanakan. Malah, didapati majikan bagi Sektor Perkhidmatan adalah cenderung untuk ketidakpatuhan undang-undang dan diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi.
7. Saya menggesa supaya semua majikan mengambil berat akan aspek pematuhan terhadap syarat-syarat dan undang-undang perburuhan yang telah Kerajaan permudahkan melalui PKPPA. Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas terhadap majikan yang gagal mematuhi undang-undang yang berkuat kuasa.
8. Susulan peningkatan mendadak jumlah pelancong asing dan domestik pasca COVID-19, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mencadangkan pembukaan sub sektor taman tema bagi tujuan penggajian pekerja asing. Sehubungan itu, mesyuarat bersetuju meluluskan penggajian pekerja asing di bawah sub sektor taman tema khusus untuk jawatan Pembantu Operator Taman Tema Rekreasi dan Pembantu Penjaga Taman Tema Air dengan jumlah keseluruhan sebanyak 2,000 orang bagi tahun 2024 dan 2025 menggunakan kuota sedia ada.

9. Mesyuarat turut mengambil maklum akan pembentangan syarat-syarat penggajian pekerja asing bagi pembukaan semula subsektor tukang gunting rambut, pekerja tekstil dan tukang emas dengan jumlah keseluruhan kuota sebanyak 7,500 pekerja asing susulan keputusan Jemaah Menteri pada 8 September 2023.

10. Kerajaan sentiasa komited dalam memenuhi keperluan tenaga kerja asing industri demi kemakmuran ekonomi tanpa berkompromi terhadap keselamatan dan kedaulatan negara.

Sekian.

YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
Menteri Dalam Negeri

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media ini sila hubungi Bahagian Komunikasi Korporat di talian 03 – 8886 8451/ 3406 / 8035